

## II. ASNAF FĪ SABĀLILLĀH

### 2.1 Pengenalan

Pengagihan dalam sistem pentadbiran dan pengurusan zakat merupakan penentu untuk kita mengukur sejauhmana keberkesanan objektif zakat. Apabila berlakunya pengagihan zakat, maka di sinilah kita dapat melihat samada kelangsungan fungsi zakat yang telah disyarakkan itu berjaya atau sebaliknya dalam mendepani arus pembangunan ummah dan bagi merealisasikan kesyumulan agama Islam sebagai peneraju kehidupan.

Oleh itu tidak hairanlah bagi menjamin suatu sistem agihan yang ideal, Allah telah menetapkan hanya golongan yang tertentu sahaja layak menerima harta zakat. Ini jelas sebagaimana maksud firman Allah dalam surah al-Taubah ayat 60 iaitu:

Maksudnya: "Hanya sedekah (zakat) itu, untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat, orang-orang mualaf hatinya, untuk memerdekaan hamba (budak), orang-orang yang berhutang, pada jalan Allah dan untuk orang musafir, sebagai satu keperluan daripada Allah. Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana."

Selain itu hadis yang diterima dari Ziyād bin Harith al-Sudā'i iaitu:

"أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ (ص) فَبَلَغَتْهُ وَذَكَرَ حَدِيثًا طَوِيلًا فَاتَّاهُ رَجُلٌ قَالَ:  
أَعْطَنِي مِن الصَّدَقَةِ، وَقَالَهُ رَسُولُ اللَّهِ (ص): إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَرْضِ بِحُكْمِ نَبِيٍّ  
وَلَا غَيْرِهِ فِي الصَّدَقَةِ حَتَّى حُكْمُهُ هُوَ فِيهَا، فَجُزُّ أَهْلَهَا ثَمَانِيَّةُ أَجْزَاءٍ كُنْتُ  
مِنْ تِلْكُ الْأَجْزَاءِ اعْطَيْتُكَ حَقَّكَ"

Maksudnya: “Saya datang mendapatkan Rasulullah s.a.w. lalu bai‘at kepadanya. Tiba-tiba datanglah seorang lelaki katanya, “Berilah saya pembahagian zakat.” Nabi s.a.w berkata-sesungguhnya Allah tidak rela dengan ketetapan daripada Nabi atau lainnya mengenai zakat ini, hingga diputuskan sendiri dan dibahaginya atas lapan bahagian. Maka jika anda termasuk dalam salah satu dari lapan bahagian itu, tentulah saya akan beri.”

(Sunan Abū Dāwūd, Kitāb al-Zakāh)

Berpandukan kepada saranan maksud ayat dan hadis di atas jelas menunjukkan kepada kita, bahawa hanya lapan golongan sahaja yang layak menerima agihan zakat ini. Perkara ini telah mendapat persepkatan para ulama bahawa zakat hanya boleh diagihkan kepada lapan *asnaf* sahaja.<sup>1</sup> Di antara golongan yang layak menerima agihan tersebut ialah *asnaf fī sabīllāh*.

Walaupun telah terdapat ayat yang secara jelas dan nyata memperuntukkan bahawa *fī sabīllāh* merupakan *asnaf* yang layak menerima agihan zakat, tetapi pada perkataan *fī sabīllāh* itu sendiri telah mengundang pelbagai pentafsiran di kalangan para *fuqaha*. Ada pentafsiran yang bersifat rigid dan ada juga yang bersifat lentur atau fleksibel.

Selain itu, bagi memastikan ketepatan dalam pengagihan zakat ini, para *fuqaha* telah menetapkan beberapa ciri umum bagi menentukan mereka yang sewajarnya menerima agihan zakat. Ciri umum yang dimaksudkan di sini ialah seperti fakir, miskin, beragama Islam, bukan dari keturunan Bani Hasyim, penerima bukan

di bawah tanggungan orang yang mengeluarkan zakat dan seorang yang baligh, berakal dan merdeka.<sup>2</sup>

Walaupun syarat-syarat yang dinyatakan ini masih lagi menimbulkan perbezaan pendapat di kalangan para *fuqaha*, namun keadaan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa para *fuqaha* terdahulu begitu teliti atau amat berhati-hati dalam menentukan mereka yang selayaknya menerima pengagihan zakat.

Berbalik kepada pentafsiran *asnaf* tadi, keadaan ini bertambah komplikated apabila berlakunya perubahan kehidupan dalam struktur masyarakat dan terdapat juga sesetengah golongan yang tidak wujud lagi dalam erti kata konsep asalnya. Justeru pentafsiran yang sewajarnya diperlukan agar pengagihan zakat yang dilakukan benar-benar bertepatan dengan tuntutan syarak serta tidak menyimpang daripada fungsi asal pensyariatannya terutamanya bagi *asnaf* yang melibatkan jumlah peruntukan dan agihan yang besar seperti *asnaffi sabīlillāh*.

## **2.2 Beberapa Penghuraian Mengenai *Fi Sabīlillāh***

Secara amnya kepelbagaiannya pandangan atau pendapat yang dikemukakan oleh *fuqaha* berhubung kait dengan pengagihan zakat<sup>3</sup> dan golongan yang berhak menerimanya adalah berdasarkan keterangan ayat yang telah penulis nyatakan

sebelum ini. Ini kerana berdasarkan ayat tersebut pengagihan zakat boleh diagihkan kepada dua bentuk iaitu untuk kepentingan peribadi dan umum.

Perkara ini dapat difahami melalui zahir ayat yang menggunakan huruf 'lam' untuk menunjukkan pemilikan peribadi dan penggunaan huruf 'fi' yang menunjukkan kegunaan untuk kemaslahatan umum.<sup>4</sup> Ini diperkuuhkan lagi dengan kata (*innama*) bagi menafikan selain daripada lapan golongan yang disebutkan untuk menerima agihan zakat.<sup>5</sup>

Justeru berhubung dengan agihan zakat bagi *fi sabillillāh*, terdapatnya pelbagai pandangan dan jawapan yang dikemukakan oleh para *fuqaha*. Ini bergantung kepada pentafsiran yang dibuat oleh para *fuqaha* berhubung dengan ‘identiti’ *fi sabillillāh* itu. Oleh itu bagi mengemukakan suatu jawapan yang boleh dipertanggungjawabkan penulis akan membincangkan *fi sabillillāh* ini dengan meninjau dari beberapa sudut iaitu konsepnya, tafsir-tafsir yang *mu'tabar*, hadith, pandangan mazhab, fatwa-fatwa serta beberapa pandangan tokoh-tokoh ulama semasa mengenainya. Berikut adalah beberapa penguraian yang penulis kemukakan berkenaan *fi sabillillāh*.

### **2.3 Konsep *Fi Sabillillāh***

*Fi sabillillāh* jika dilihat dari sudut bahasa merupakan gabungan tiga perkataan iaitu kata hubung *fi*, *sabil* dan Allah. Gabungan perkataan ini telah memberi suatu

maksud yang jelas iaitu di jalan Allah. Ini kerana perkataan yang mendasari gabungan perkataan tersebut ialah *sabīl* yang bermaksud jalan<sup>6</sup> atau dalam bahasa Arabnya ialah *tariq* atau apa-apa yang telah dijelaskan mengenainya ( ما وضح منها ).

Manakala secara istilahnya terdapat pelbagai definisi yang menjelaskan maksud tersebut. Ada yang bersifat khusus dan ada yang terlalu umum pendefinisiannya. Di antaranya ialah orang-orang yang berperang di jalan Allah secara sukarela atau dengan tidak mendapat sebarang imbuhan daripada pemerintah.<sup>7</sup> Ini merupakan pandangan *Jumhur Fuqaha*.

Definisi ini disokong oleh Ibn Qudāmah yang menyatakan bahawa tiada pertikaian bahawa ia merujuk kepada orang-orang yang berperang di jalan Allah berdasarkan maksud umum lafaz tersebut.<sup>8</sup>

Al-Qādhi ‘Iyād berkata terdapat para ulama yang menyatakan ianya jihad sebagaimana pendapat Imam Nawawi.<sup>9</sup> Manakala Sayyid Sābiq memperluaskan lagi dengan memasukkan sekali pembiayaan sekolah-sekolah termasuklah memberikan bantuan elauan kepada guru-guru dan pengurusan pentadbiran.<sup>10</sup>

Selain itu *fī sabīlillāh* juga diertikan sebagaiai menuntut ilmu,<sup>11</sup> menunaikan haji,<sup>12</sup> dan setiap perintah atau suruhan Allah yang mengandungi kebaikan di dalamnya.<sup>13</sup> Di samping itu ada juga yang mengistilahkan *fī sabīlillāh* sebagaiai

keadaan yang mana seseorang itu terlibat di dalam kegiatan yang menegakkan serta mempertahankan agama Islam dan kebijakan umatnya.

Di dalam al-Quran perkataan *fi sabīlillāh* ini telah disebut sebanyak 69 kali dengan kepelbagaiannya maksud mengikut konteks ayat yang diperincangkan.<sup>14</sup> Di antaranya ialah yang berkaitan dengan persoalan hijrah, pada jalan Allah, *infaq* (pemberian), menahan lapar dan jihad (berperang). Sebagai contohnya ayat-ayat yang berkaitan dengan *fi sabīlillāh* itu adalah sebagaimana berikut:

i. Firman Allah:

"انفروا خفافاً وتقلاً وجهدوا باموالكم وانفسكم في سبيل الله، ذلكم خير لكم ان كنتم تعلمون"

Maksudnya: "Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), samada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab; dan berjihadlah dengan harta dan jiwamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagimu, jika kamu mengetahui."<sup>15</sup>

ii. Firman Allah:

"ادع الى سبيل ربك بالحكمة والمواعظة الحسنة وجدلهم بالتي هي احسن ان ربك هو اعلم بمن ضل عن سبيله وهو اعلم بالمهتدين"

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik."<sup>16</sup>

iii. Firman Allah:

"و لا تحسين الدين قتلوا في سبيل الله امواتا بل احياء عند ربهم يرزقون"

Maksudnya: Dan janganlah kamu mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati, bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.”<sup>17</sup>

Menurut Dr. Yūsūf al-Qaraḍāwī pada perkatan *fi sabīlillāh* itu terdapat dua erti iaitu maksud mutlak dengan erti jihad dan maksud umum pada bahasa iaitu mencakupi segala amal perbuatan ikhlas, yang digunakan untuk mendekatkan diri atau *bertaqarrub* kepada Allah dan dengan melaksanakan segala perbuatan wajib, sunat dan pelbagai kebajikan lainnya.<sup>18</sup> Faktor inilah yang menyebabkan berlakunya perbezaan pendapat di kalangan para *fuqaha*. Seterusnya beliau menyatakan pada maksud mutlak tersebut juga menimbulkan perbezaan pendapat di kalangan ulama sama ada jihad tersebut hanya mutlak untuk maksud berperang semata atau sebaliknya.<sup>19</sup>

#### 2.4 Tafsiran *Fi sabīlillāh*

Bagi menerangkan maksud *fi sabīlillāh* berdasarkan ayat 60, surah al-Taubah itu penulis akan meninjau beberapa pentafsiran yang dibuat oleh ulama-ulama tafsir yang terkemuka berkaitan dengan maksud *fi sabīlillāh* dalam ayat tersebut.

Menurut al-Allamah Ibn Athīr dalam kitabnya *Tafsīr Ibn Athīr*, perkataan *fi sabīlillāh* terbahagi kepada dua iaitu:<sup>20</sup>

- i- Erti asal mengikut bahasa yang bermaksud setiap amal perbuatan yang ikhlas yang dipergunakan untuk mendekatkan diri kepada

Allah s.w.t., meliputi segala amal perbuatan saleh, baik yang bersifat peribadi ataupun kemasyarakatan.

- ii- Erti yang biasa difahami pada perkataan itu apabila bersifat mutlak, iaitu jihad. Oleh kerana kebiasaan penggunaan tersebut ianya telah menyebabkan erti *fi sabīlillāh* hanya khusus untuk dierangkan dengan maksud jihad sahaja.

Mengikut Imam al-Rāzī dalam tafsirnya, menyatakan bahawa zahir lafadz pada perkataan *fi sabīlillāh* itu tidak wajar dikhususkan kepada erti orang yang berperang sahaja.<sup>21</sup> Seterusnya beliau menyebut bahawa al-Qaffāl dalam tafsir beliau telah mengambil pandangan beberapa *fuqaha* bahawa zakat boleh dibelanjakan untuk apa sahaja tujuan kebijakan termasuklah urusan menyempurnakan jenazah, membina benteng dan pertahanan serta membina masjid.<sup>22</sup> Alasan mereka ialah istilah *fi sabīlillāh* itu umum yang turut mencakupi perkara-perkara di atas.

Al-Qāsimī dalam tafsirnya juga mengutip pendapat al-Qaffāl daripada sebahagian *fuqaha* berhubung dengan perkara di atas, di samping mengemukakan pendapat pengarang buku *Taj* bahawa setiap jalan yang menuju redha Allah adalah jalan termasuk *fi sabīlillāh*.<sup>23</sup> Dalam hal ini beliau tidak mengemukakan pendapat lain daripada apa yang dimaksudkan di atas dan ini seolah-olah ada kesesuaian pendapat dengan pendirian beliau dalam *fi sabīlillāh*.

Seterusnya Imam al-Tabarī menyatakan bahawa *fī sabīlillāh* adalah menafkahkan harta untuk membela agama Allah dan segala peraturannya iaitu dengan memerangi musuh-musuh Allah.<sup>24</sup> Menurut al-Qaraḍāwī pentafsiran ini mengandungi maksud umum dan khusus meliputi segenap aspek perbelanjaan bagi menegakkan syiar Islam dan usaha mempertahankan agama Islam dengan memerangi orang kafir.<sup>25</sup>

Menurut Sayyid Sidiq Hasan seorang ulama terkemudian yang seangkatan dengan Rasyid Ridha menegaskan bahawa maksud *fī sabīlillāh* di sini ialah jalan menuju kepada Allah s.w.t. dan tidak ada alasan yang mengkhususkan bahagian ini kepada jihad.<sup>26</sup>

Oleh itu bahagian ini boleh dimanfaatkan oleh para ulama dalam mentadbir agama untuk kemaslahatan kaum Muslimin samada mereka kaya atau miskin kerana tanggungjawab yang suci dipikul oleh mereka sebagai pewaris para nabi. Maka sudah tentu peruntukan yang diberikan ini merupakan tindakan yang amat baik sekali.

Rashid Ridha pula menyatakan dalam kitabnya *Tafsīr al-Manār*, *fī sabīlillāh* meliputi kemaslahatan umum yang bersifat *syar'iyyah* yang merupakan tugas agama dan pemerintah.<sup>27</sup> Apa yang perlu diutamakan ialah melengkapkan persiapan untuk berperang di dalam dan membaiki jalan serta membuat alat-alat kelengkapan perang adalah termasuk menegakkan kalimah Allah s.w.t. Selain itu, membina rumah sakit

tentera, membuat dan membaiki jalan serta membuat alat-alat kelengkapan perang adalah termasuk dalam *fi sabīlillāh*.<sup>28</sup>

Dalam kitab Mazhab Ja‘fari *Mukhtaṣar al-Nāfi‘*, dinyatakan bahawa maksud *fi sabīlillāh* itu ialah setiap amal kebajikan, mengerjakan haji, jihad dan membina jambatan. Pandangan ini agak sama dengan apa yang diutarakan oleh al-Kāsāni yang menyatakan bahawa *fi sabīlillāh* itu ialah segala bentuk kebajikan dan ketaatan yang meliputi usaha-usaha menuju redha Allah.<sup>29</sup> Tafsiran ini turut terdapat dalam kitab *al-Rawd al-Nādir* dalam Mazhab Zaidi.<sup>30</sup> Tafsiran yang luas ini kemudiannya mendapat perhatian dan diterima oleh para ulama terkemudian. Di antaranya ialah Sayyid Ṣidiq Hasan Khān, (*Rawdah al-Nad’iyah*), Syekh Jamāludin al-Qāsimī (*Mahāsin al-Ta‘wīl*), Rasyid Rida (*Tafsīr al-Manār*) dan Mahmud Syaltut.

## 2.5 *Fi Sabīlillāh* Menurut Hadis

Berdasarkan hadis-hadis yang membincangkan persoalan yang berhubung kait dengan *fi sabīlillāh*, kebanyakan maksud yang dapat difahami adalah dengan erti jihad. Di antaranya ialah hadis-hadis berikut iaitu:-

- i. Hadis riwayat Imam al-Bukhārī dengan hadis Ṣahih:

”عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص): مَنْ احْتَسَى فَرْسًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَيْمَانًا بِاللَّهِ وَتَصْدِيقًا بِوَعْدِهِ فَإِنَّ شَيْعَهُ وَرِوَثَهُ وَبُولَهُ فِي مَيْزَانِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ“

Maksudnya: "Barang siapa yang menyedekahkan kuda di jalan Allah, kerana iman kepadanya, yakin kan kebenaran segala janjinya, maka sesungguhnya kenyangnya, air liurnya, kotorannya dan air seninya, menambah timbangan kebaikannya dihari kiamat."<sup>31</sup>

(Hadis Riwayat al-Bukhārī)

ii. Hadis riwayat Imam Nasā'ī dan Turmidī dengan hadis Ḥasan:

"عَنْ حَزِيمَ بْنِ فَاتِكَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَنْفَقَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَتَبَ بِسَبِيلِهِ ضَعْفًا"

Maksudnya: "Barang siapa yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, maka akan dituliskan dengan tujuh ratus kali ganda."<sup>32</sup>

iii. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhārī dengan hadis Ṣahih:

"وَعَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدِ الْجَهْنَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ جَهَزَ غَازِيَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَقَدْ غَزَ، وَمَنْ خَلَفَ غَازِيَا فِي أَهْلِهِ بِخَيْرٍ فَقَدْ غَزَ أَهْلَهُ"

Maksudnya: "Barang siapa yang menyertai perperangan di jalan Allah maka sesungguhnya berperang, dan barang siapa yang meninggalkan perperangan itu (pasukan perang) dengan baik, maka sesungguhnya berperang juga."<sup>33</sup>

(Hadis Riwayat al-Bukhārī)

iv. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Hāsyimī dalam *Majma' al-Zawā'id*

dan al-Tabrānī dengan rijalnya yang Ṣahih:

"وَعَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ نَبِيٍّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ جَهَزَ غَازِيَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ، وَمَنْ خَلَفَ غَازِيَا فِي أَهْلِهِ بِخَيْرٍ وَانْفَقَ عَلَى أَهْلِهِ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ"

Maksudnya: “Barang siapa yang menyertai perperangan di jalan Allah, maka baginya balasan seumpamanya, dan sesiapa yang meninggalkan perperangan daripada ahlinya itu dengan baik dan menafskahkan ke atas ahlinya, maka mendapat balasan seumpamanya.”<sup>34</sup>

(Hadis Riwayat al-Hāsyimī dan al-Ṭabrānī)

Walau bagaimanapun terdapat juga hadis yang lebih umum pengertiannya berkenaan dengan *fi sabīlillāh* ini. Sebagai contohnya hadis berikut iaitu:

”عَنْ أَبْنَ لَّاْسِ الْخَرَاعِيِّ قَالَ: حَمَلْنَا أَنْبِيَّ (ص) عَلَى إِبْلٍ مِّن الصَّدَقَةِ إِلَى الْحَجَّ“

Maksudnya: Daripada Ibn Las al-Khuza‘ī, beliau berkata: Kami membawa unta yang diperolehi daripada zakat untuk menunaikan haji.<sup>35</sup>

(Hadis Riwayat Ahmad)

Selain itu, terdapat pelbagai kategori hadis lagi yang memperihalkan maksud jihad untuk dikaitkan dengan *fi sabīlillāh*. Apa yang dimaksudkan di sini ialah ada hadis yang bersifat Ṣahīh, Ḥasan, Ḍa‘īf dan seumpamanya yang menghuraikan pengertian tersebut.<sup>36</sup>

## 2.6 *Fi Sabīlillāh* Menurut Mazhab

Secara amnya *Jumhur Fuqaha* atau empat mazhab yang utama dalam Islam berpendapat bahawa *fi sabīlillāh* itu adalah mereka yang berperang di jalan Allah.<sup>37</sup> Walau bagaimanapun mereka tidak sepandapat dalam menentukan kriteria-kriteria

mereka yang berperang itu. Sebagai contohnya ialah dari sudut status pemilikan harta zakat tersebut sama ada bersifat pemilikan bersama atau pemilikan secara individu bagi mereka yang berperang.

Hal ini terjadi disebabkan percanggahan mereka dalam mentafsirkan perkataan *fī* dan *lil* yang terdapat dalam ayat sasaran zakat itu. Berikut beberapa penjelasan yang dapat penulis kemukakan berkenaan *fī sabīlillāh* menurut mazhab atau aliran *fiqh*.

#### a. Mazhab Ḥanafī

Dalam mengemukakan pendapat mengenai *fī sabīlillāh* ini, ulama mazhab Ḥanafī menyatakan *fī sabīlillāh* itu adalah sukarelawan yang terputus bekalannya. Ini adalah pendapat yang dikemukakan oleh Imam Abū Yūsūf.<sup>38</sup> Maksud sukarelawan yang terputus bekalannya ialah mereka yang tidak sanggup bergabung dengan tentera Islam kerana kefikiran mereka dengan sebab rosaknya perbekalan atau kenderaan atau haiwan tunggangannya.

Bagi Imam Muhammad, *fī sabīlillāh* adalah jemaah haji yang terputus bekalannya. Ini disandarkan kepada satu riwayat bahawa seseorang telah menjadikan unta miliknya untuk keperluan *fī sabīlillāh* di mana unta tersebut telah diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. agar digunakan untuk keperluan jemaah haji.<sup>39</sup>

Sementara Imam al-Kāsānī mentafsirkan *fī sabīlillāh* dengan maksud semua amal perbuatan yang menunjukkan *taqarrub* atau mendekatkan diri dan ketaatan kepada Allah sebagaimana yang ditunjukkan oleh makna asal lafaz ini.<sup>40</sup> Dengan itu bolehlah dikatakan seseorang yang melakukan perbuatan dalam rangka ketaatan kepada Allah dan segala cabang atau jalan kebaikan adalah termasuk *fī sabīlillāh*.

Walaupun ulama Mazhab Ḥanafī berbeza pendapat dalam mengemukakan pentafsiran *fī sabīlillāh*, tetapi mereka sepakat bahawa kefakiran menjadi elemen atau syarat utama bagi setiap mereka yang menerima pemberian zakat *fī sabīlillāh* ini tanpa mengira identiti seseorang itu. Sebagai contohnya, tentera, penuntut ilmu, jemaah haji dan para pejuang ke arah kebaikan. Walau bagaimanapun syarat ini dikecualikan bagi para amil yang mengendalikan pungutan dan pengagihan zakat.

### b. Mazhab Mālikī

Menurut pendapat yang sahih daripada Imam Mālik bahawa maksud *fī sabīlillāh* ialah tentera yang berperang.<sup>41</sup> Ini kerana terdapat pelbagai pendapat dan pandangan yang dikemukakan oleh Imam Mālik, tetapi menurut Qādi Ibn Arabī dalam *Tafsīr Ahkām al-Qur'ān* bahawa itulah maksud atau pendapat yang paling sahih yang dikeluarkan oleh Imam Mālik.<sup>42</sup>

Bagi melanjutkan lagi definisi di atas, ulama Mazhab Mālikī Muhammad bin Abdul Ḥakām menyatakan bahawa dibenarkan daripada duit atau wang zakat bagi membuat baju perang, senjata dan kelengkapan-kelengkapan perang bagi melawan musuh. Dalam hal ini beliau menyatakan bahawa Nabi s.a.w. pernah mengeluarkan dari harta zakat seratus ekor unta dalam peperangan Sahl bin Abī Hasmā untuk memadamkan api pemberontakan.<sup>43</sup>

Manakala dalam *Syarah Dardir*,<sup>44</sup> dinyatakan bahawa harta zakat itu diberikan kepada orang yang berperang, pengawal perbatasan dan untuk keperluan kelengkapan perang seperti senjata dan kuda. Selain itu, tentera juga boleh menerima zakat sekalipun dia seorang yang kaya. Malahan terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa dibolehkan menerima pemberian zakat *fi sabillillāh* bagi orang kafir yang diutus untuk memberitahu perihal musuh Islam kepada tentera Islam.

Di samping itu, pendapat lain dari kalangan mazhab ini ada menyatakan tidak boleh mendirikan benteng di sekeliling negeri agar terpelihara daripada serangan orang kafir dan tidak boleh digunakan untuk membuat kenderaan perang.<sup>45</sup>

Walau bagaimanapun *jumhur* Mazhab Mālikī menyatakan bahawa dibolehkan mengeluarkan zakat untuk kepentingan jihad seperti senjata, kuda, benteng-benteng pertahanan, kapal-kapal perang dan sebagainya.<sup>46</sup> Selain itu mereka juga tidak mengkhususkan pemberian atau agihan tersebut hanya kepada pemilikan peribadi

individu atau orang yang berperang sebagaimana yang dikemukakan oleh Mazhab Hanafi.

### c. Mazhab Syāfi'i

Mengikut Mazhab Syāfi'i, *fī sabīlillāh* bermaksud para sukarelawan yang tidak mendapat bantuan yang tetap daripada pihak pemerintah.<sup>47</sup> Ini dinyatakan dalam kitab *Minhāj* oleh Imam Nawawī dan syarahnya oleh Ibn Ḥajar al-Ḥaytami.

Menurut Ibn Ḥajar *fī sabīlillāh* adalah mereka yang tidak mendapat gaji tetap dan berperang semata-mata atas dasar sukarela iaitu berperang apabila sihat dan kuat dan kembali kepada pekerjaan asal apabila keadaan sebaliknya.

Seterusnya Ibn Hajar menjelaskan lagi, *fī sabīlillāh* ialah jalan yang menyampaikan seseorang kepada redha Allah s.w.t. Namun akibat kebiasaan penggunaan lafadz ini dengan erti jihad dengan berperang tanpa mendapat imbalan sesuatu, maka mereka itu harus diberikan sesuatu yang dapat membantunya dalam peperangan, walaupun keadaan mereka itu kaya.<sup>48</sup>

Manakala bentuk pemberian yang boleh diterima oleh orang berperang itu adalah seperti perbekalan dan pakaian selama pulang dan pergi dan selama tinggal di medan perang. Perkara ini dinyatakan oleh Imam Nawawī dalam kitabnya *al-*

*Rawdah*. Seterusnya Imam Nawawi telah melanjutkan perbincangan ini dalam 'Syarah Kitāb Miftāh' dengan menyatakan bahawa orang yang berperang harus diberi biaya hidupnya, keluarganya dan pembiayaan sewaktu pergi dan pulang dan selama tinggal di medan perang. Walau bagaimanapun *jumhur* Mazhab Syāfi'i tidak sependapat tentang pemberian nafkah keluarga, akan tetapi jika diberi pun tidak mengapa.<sup>49</sup>

Menyentuh mengenai pemberian zakat kepada *asnaf fī sabīlillāh*, Imam Syāfi'i juga ada menyatakan dalam kitabnya *al-Umm* bahawa harta zakat tidak boleh dipindahkan ke tempat lain dan orang yang berperang itu berhak menerima bahagian tersebut berdasarkan harta zakat yang dikeluarkan berhampiran tempat tinggalnya.<sup>50</sup>

#### d. Mazhab Ḥanbali

*Fī sabīlillāh* menurut mazhab Ḥanbali bererti sukarelawan yang berperang yang tidak memiliki atau memiliki gaji tetap, akan tetapi tidak mencukupi keperluan.<sup>51</sup> Dalam perkara ini orang kaya juga diberi bahagian yang mencukupi untuk keperluan berperang. Walau bagaimanapun zakat yang diberi perlu dikembalikan sekiranya ia tidak digunakan untuk berperang.<sup>52</sup>

Dalam *Ghāyah Muntahā* dan syarahnya oleh Mustafā al-Suyūtī, dinyatakan bahawa pihak penguasa dibenarkan membeli kuda daripada harta zakat untuk

digunakan bagi keperluan berperang sekalipun orang yang berperang itu sendiri yang mengeluarkan zakat. Selain itu pihak penguasa juga bebas menggunakan harta zakat bagi keperluan dan kemaslahatan jihad.<sup>53</sup>

Walau bagaimanapun bagi pemilik harta mereka tidak dibenarkan atau tidak dibolehkan membeli kuda dari zakatnya atau membeli benda yang bergerak yang ia wakafkan kepada orang yang berperang atau *fī sabīlillāh*. Ini kerana ia tidak melaksanakan cara mengeluarkan yang diperintahkan iaitu melalui saluran pemerintah atau pihak berkuasa.<sup>54</sup>

Selain itu, *fī sabīlillāh* juga adalah mereka yang mengerjakan haji atau jemaah haji. Walau bagaimanapun dalam pentakrifan ini, ulama Mazhab Ḥanbali berselisih pendapat mengenainya. Bagi pendapat yang pertama mengatakan termasuk *fī sabīlillāh* ialah orang fakir yang berhak diberi zakat di mana daripada pemberian tersebut membolehkannya melaksanakan haji wajib atau yang dapat menolongnya untuk melaksanakan ibadat tersebut. Pendapat ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dipindahkan pula oleh Ibn Abbas, Ibn Umar dan Ishak.

Pendapat kedua menyatakan bahawa tidak boleh menyerahkan bahagian *fī sabīlillāh* untuk keperluan ibadat haji. Dalam hal ini, Ibn Qudāmah dalam kitabnya *al-Mughnī* menyatakan bahawa pendapat ini tidak tepat. Menurutnya *fī sabīlillāh*

bersifat mutlak untuk jihad, bahkan kebanyakan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan menerangkan *fi sabillillāh* dengan maksud jihad.

Selain itu juga dinyatakan bahawa zakat itu adalah manfaat bagi umat Islam. Oleh itu dalam persoalan ini, ibadat haji bagi orang miskin tidak ada manfaatnya dan tidak terdapat kemaslahatannya mewajibkan ibadah haji bagi orang fakir. Ini kerana perkara tersebut adalah sesuatu yang membebankan baginya dan Allah telah meringankan ibadah haji daripadanya. Oleh itu harta zakat hanya boleh diberikan bagi keperluan lain yang lebih utama dan boleh mendatangkan kemaslahatan kepada kaum Muslimin.<sup>55</sup>

## **2.7 *Fi Sabillillāh* Menurut Undang-Undang Dan Fatwa**

*Fi sabillillāh*, jika ditinjau dari sudut undang-undang yang terdapat di negeri Kelantan, iaitu Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, menunjukkan tidak terdapatnya suatu peruntukan yang jelas dan ditil berkaitan dengan pentafsiran *asnaf fi sabillillāh* ini. Apa yang terdapat berkenaan dengan pentafsiran *fi sabillillāh* hanya melibatkan peruntukan umum yang akan penulis jelaskan secara terperinci dalam bab tiga.

Selain itu juga sehingga kini belum terdapatnya sebarang fatwa yang diputuskan oleh Majlis Fatwa negeri Kelantan berhubung dengan pentafsiran dan

pengagihan zakat kepada *asnaf fī sabīlillāh*. Namun berdasarkan sumber yang penulis perolehi, *fī sabīlillāh* telah diasaskan kepada dua perkara penting iaitu penuntut-penuntut agama dan setiap perkara yang membawa kebaikan demi keredhaan Allah s.w.t. meliputi fardhu ain dan fardhu kifayah.<sup>56</sup> Keadaan ini jelas menggambarkan kepada kita bahawa pihak Majlis lebih menerima pakai pendekatan atau pentafsiran yang lebih bersifat umum bagi pengagihan zakat di negeri Kelantan yang melibatkan *asnaf fī sabīlillāh*.

Manakala jika dilihat dalam konteks yang lebih luas di Malaysia, contohnya Selangor, terdapatnya fatwa yang menyatakan bahawa *fī sabīlillāh* ialah tiap-tiap perbuatan atau perkara yang menjurus kepada keperluan dan maslahah untuk menegakkan Syiar Islam.<sup>57</sup> Di samping itu dinyatakan juga secara lengkap jenis-jenis agihan dan cara-cara agihan dibuat terhadap *asnaf fī sabīlillāh*.<sup>58</sup>

Sebelum ini dinyatakan bahawa wang zakat bagi *fī sabīlillāh* ini hanya boleh diagihkan bagi membina masjid, surau dan sekolah agama atau membeli alat-alat keperluan asasi bagi tiga institusi tersebut. Selain itu wang tersebut tidak boleh diberi bagi tujuan subsidi bagi orang-orang yang hendak menunaikan haji atau umrah sama ada telah menunaikannya atau belum kerana tidak terdapat dalil yang membenarkannya. Wang ini juga tidak boleh digunakan untuk tujuan memilih masjid contoh,<sup>59</sup> iaitu dengan memberikan sumbangan kepada masjid yang berjaya memenangi pertandingan masjid terbaik.

Dalam hal ini, Mahmud Syaltut ada menyatakan bahawa *fī sabīlillāh* termasuk urusan atau tujuan mendirikan masjid. Beliau berpandangan bahawa ia termasuk dalam sasaran zakat seperti yang terkandung dalam surah al-Taubah ayat 60 dengan istilah *fī sabīlillāh*, tetapi adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Selain itu golongan '*huffāz*' juga adalah dikategorikan sebagai *fī sabīlillāh*.<sup>60</sup>

Sementara itu, Syekh Makhluf Mufti negara Mesir menyatakan bahawa wang zakat boleh diagihkan bagi perbelanjaan sesebuah universiti atau intitusi pengajian Islam yang mempunyai kualiti. Ini disandarkan kepada apa yang telah disebut oleh Imam al-Rāzī dari Imam Qaffāl dan yang lain tentang erti *fī sabīlillāh*.<sup>61</sup>

## **2.8 *Fī Sabīlillāh* Mengikut Pandangan Kontemporari**

Jika dilihat kepada skop perbincangan yang telah penulis utarakan di atas ternyata terdapat kepelbagaiuan pandangan, pendapat dan pentafsiran yang dikemukakan oleh *fuqaha* berkenaan *fī sabīlillāh* ini. Walau bagaimanapun apa yang dapat disimpulkan pentafsiran yang dibuat itu adalah bergantung kepada suasana dan persekitaran kehidupan masyarakat yang mendasari keperluan hukum pada sesuatu masa.

Oleh yang demikian bagi memperluaskan lagi skop perbincangan di atas dan mempunyai hubung kait dengan persekitaran semasa kini, eloklah rasanya penulis mengutarkan pandangan-pandangan yang agak kontemporari berkenaan *fi sabīlillāh* ini. Dalam hal ini, Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam kitabnya *Fiqh al-Zakāh* menyatakan bahawa pentafsiran semasa berkaitan dengan *fi sabīlillāh* kini agak relevan untuk dihubung kaitkan dengan jihad. Ini kerana kebanyakan ayat-ayat dan hadis-hadis yang membincangkan mengenai persoalan *fi sabīlillāh* lebih menumpukan kepada erti jihad dan perkara ini telah pun disepakati oleh *Jumhur Fuqaha*.<sup>62</sup>

Walau bagaimanapun beliau telah mengembangkan pengertian jihad tersebut dalam kerangka yang agak fleksibel dan lentur berdasarkan keperluan masyarakat kini (*fiqh Aulawiyyāt*). Apa yang diamaksudkan jihad dalam konteks semasa kini bukanlah bermaksud hanya menggunakan kekerasan semata-semata untuk melawan musuh Allah iaitu dengan cara berperang.

Ini kerana terdapat juga perperangan pada masa kini yang lebih mirip kepada kesukuan, nasionalisme dan kepentingan kedudukan. Sedangkan berperang dalam konteks *fi sabīlillāh* mengikut Islam adalah mempunyai hubungan yang erat ke arah pembelaan Islam dan bermotifkan Islam iaitu untuk menegakkan kalimahnya, membela negara dan agama Allah serta kemuliaan Islam.<sup>63</sup> Dengan maksud lain sebarang usaha dan tenaga yang dicurahkan ke arah meningkatkan syiar dan pengaruh Islam adalah merupakan jihad.

Dr. Yūsūf al-Qaraḍāwī dalam kitabnya, juga telah mengenal pasti beberapa bentuk jihad yang boleh diketengahkan untuk diterima pakai sebagai model dan panduan umat Islam pada masa kini agar sesuatu yang mereka lakukan dan usahakan itu adalah termasuk *fi sabīlillāh*. Bentuk-bentuk tersebut adalah sebagaimana berikut:<sup>64</sup>

- i- Mendirikan pusat kegiatan Islam bagi mendidik umat Islam ke arah ajaran Islam yang murni berteraskan akidah dengan menolak fahaman-fahaman luar (sekularisme).
- ii- Mendirikan pusat percetakan dalam usaha membentras kegiatan atau penyebaran maklumat yang palsu berkaitan dengan dunia Islam.
- iii- Penyebaran buku-buku tentang Islam.
- iv- Menolong para pendakwah (*da'ie*) yang mengalami kesusahan atau ancaman luar yang bertujuan menghalang usaha murni mereka dalam menggiatkan penyebaran ajaran Islam yang murni.

Selain itu, al-Qaraḍāwī juga menyarankan bahawa kegiatan jihad melalui pemikiran dalam usaha memerangi idea-idea luar yang bersifat menyesatkan kefahaman tentang Islam pada masa sekarang ini adalah lebih utama jika hendak dibandingkan dengan jihad dengan menggunakan kekerasan atau senjata.<sup>65</sup>

Daripada perbincangan ini, dapatlah dikatakan bahawa sebarang bentuk atau kegiatan yang bertujuan untuk mengembalikan fikrah Islamiyyah kepada kedudukan asalnya bolehlah dikategorikan sebagai jihad *fi sabīlillāh*. Dengan erti lain, dunia Islam pada masa kini telah atau terlalu banyak dicemari oleh pengaruh-pengaruh atau isme-isme luar seperti pragmatisme, feminisme, kapitalisme, liberalisme dan sebagainya yang memerlukan kekuatan pemikiran bagi menyekat kecairan pengaruh tersebut terutamanya budaya '*westernization*' dalam pemikiran umat Islam pada masa kini.

Oleh itu menyentuh persoalan pengagihan zakat di kalangan *asnaffi sabīlillāh* ini sewajarnyalah perkara tersebut menjadi objektif utama pihak-pihak yang bertanggungjawab menguruskan pengagihan zakat agar agihan yang dilaksanakan benar-benar mempunyai signifikan terhadap kemajuan ummah dan pembangunan Islam itu sendiri.

## **Nota Hujung**

<sup>1</sup> Lihat Wahbah al-Zuhayli<sup>7</sup>, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Juzuk Kedua. Dār al-Fikr, 1989 hal. 875.

<sup>2</sup> *Ibid*, hal. 879-886.

<sup>3</sup> Dalam hal ini Imam Syāfi'i menyatakan bahawa zakat wajib diagihkan kepada lapan asnaf manakala Imam-imam yang lain menyatakan boleh diagihkan kepada satu asnaf sahaja.

<sup>4</sup> Al-Qaraḍāwī, Yūsūf, *Fiqh al-Zakāh*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah, Jilid 2, 1977, hal. 614.

<sup>5</sup> *Ibid*.

<sup>6</sup> Fu'ād Afrām al-Bustānī, *Munjid al-Tullāb*, Ma'ājam Dār al-Masyrik. Lubnan: Beirut, 1973, hal. 301.

<sup>7</sup> Pendapat *Jumhur Fuqaha*, Wahbah al-Zuhayli<sup>7</sup>, *loc.cit*.

<sup>8</sup> Abdullah bin Jarullah, *Masārif al-Zakāh Fī al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, (cet. 2). Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1984, hal. 93.

<sup>9</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, Jilid 3, hal. 133.

<sup>10</sup> *Ibid*.

<sup>11</sup> al-Qaraḍāwī, *loc.cit*.

<sup>12</sup> Al-Syawkānī, *Nayl al-Awtār*, Beirut: Dār al-Jalīl, 1973, Jilid 3, hal. 236.

<sup>13</sup> Al-Rāzī<sup>7</sup>, *Tafsīr al-Rāzī*, Jilid 16, hal. 113.

<sup>14</sup> Muhammad Fu'aq al-Bāqī<sup>7</sup>, *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Fikr, 1995, hal 341-343.

<sup>15</sup> Sheikh Abdullah Basmeih, **Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an**. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Cet. Kelima, 1992, *At-Taubah*: 41.

<sup>16</sup> *Ibid*, *Al-Nahl*: 125.

---

<sup>17</sup> *Ibid*, *Al-Imran*: 169.

<sup>18</sup> al-Qarađawī, *loc.cit*.

<sup>19</sup> *Ibid*.

<sup>20</sup> Ibn Athīr, *Al-Nihāyah*, Jilid 2, hal. 156. Lihat juga Muhammad Jamāluddīn al-Qāsimī, *Tafsīr al-Qāsimī*, Taba'ah al-Ülā, 1994, hal. 154.

<sup>21</sup> Al-Rāzī, *op.cit*.

<sup>22</sup> *Ibid*.

<sup>23</sup> al-Qāsimī, *ibid*.

<sup>24</sup> Abū Ja'far al-Tabarī, *Tafsīr al-Tabarī*, (t.t). Mesir: Dār al-Ma'ārif, hal. 319.

<sup>25</sup> al-Qarađawī, *op.cit*, hal. 657.

<sup>26</sup> al-Qarađawī, *op.cit*, hal. 647, memetik pendapat Sayyid Sidiq Hasan.

<sup>27</sup> Sayyid Muhammad Rasyid Ridha, *Tafsīr al-Manār*, Jilid 10 (cet. 2), hal. 585.

<sup>28</sup> *Ibid*.

<sup>29</sup> Al-Kāsānī, al-Badā'i al-Sanā'i (cet 2), Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1986, Jilid 6, hal. 45.

<sup>30</sup> Al-Hullī, *al-Muhktaṣar al-Nāfi*. Kaherah: Dār al-Kutub al-'Arabi, (t.t), hal. 59.

<sup>31</sup> Al-Mundhirī, al-Imam Hafiz Zakiyyuddīn Abdul Azīm bin Abdul Qawiyyul al-Mundhirī, *al-Targhib wa al-Tarhib*, Juzuk II, 1993, hal. 217. Lihat juga al-Asqalānī, *Fath al-Bārī* (*Kitab al-Jihād*). Beirut: Ihya al-Thurath al-'Arabi, 1985, hal. 44.

<sup>32</sup> *Ibid*, hal. 212.

<sup>33</sup> *Ibid*, hal. 214.

<sup>34</sup> *Ibid*, hal. 215.

<sup>35</sup> Al-Syawkānī, *loc.cit*.

<sup>36</sup> Lihat al-Mundhirī, *ibid*, hal 199-238.

<sup>37</sup> al-Qarađāwī, *op.cit*, hal. 636.

<sup>38</sup> *Ibid*, hal. 611.

<sup>39</sup> As-Syawkānī, *loc.cit*.

<sup>40</sup> Al-Kāsānī, *loc.cit*.

<sup>41</sup> al-Qarađāwī, *op.cit*, hal. 638.

<sup>42</sup> Ibn al-‘Arabī, Muhammad Ibn ‘Abd Allah, *Ahkām al-Qur’ān*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988, hal. 533.

<sup>43</sup> Ibn Al-‘Arabī, *ibid*, Jilid 2, hal 957.

<sup>44</sup> Memetik tulisan al-Qarađāwī, *op.cit*, hal. 638.

<sup>45</sup> al-Syāwī, Ahmad Ibn Muhammad, *Bulghāt al-Sālik li-Aqrāb al-Masālik ilā Madhāb al-Imām Mālik*, 1952, hal. 233-234.

<sup>46</sup> Al-Qarađāwī, *op.cit*, hal. 639.

<sup>47</sup> *Ibid*.

<sup>48</sup> Al-Ramlī, Muhammad Ibn Ahmad, *Nihāyah al-Muhtāj*. Mesir, Jilid 6, 1938, hal. 326-327.

<sup>49</sup> Al-Nawawī, *al-Rawdah*, Jilid 2, hal. 326-327.

<sup>50</sup> Al-Syāfi‘ī, Muhammad Ibn Idris, *al-Umm*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993, hal. 60.

<sup>51</sup> al-Qarađāwī, *op.cit*, hal. 642.

<sup>52</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*. Mesir: Maktabah al-Jumhuriyyah al-‘Arabiyyah (t.t), Jilid 8, hal. 185.

<sup>53</sup> Al-Qarađāwī, *op.cit*, hal. 642.

<sup>54</sup> Al-Suyūtī, Mustafā al-Rahbānī, *Matālib ulī al-Nuhā Syarh Ghāyah al-Muntahā*, Jilid 2, hal. 147-148.

---

<sup>55</sup> Al-Mughnī, *op.cit*, hal 470-471.

<sup>56</sup> Temubual bersama, Dato' Hj. Hasbullah bin Muhammad Hasan, Mufti Besar Kerajaan negeri Kelantan pada 3 hb. September 2001.

<sup>57</sup> Fatwa tentang Agihan Zakat Negeri Selangor, Bab 10, Sel.P.U 130, 1994.

<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak, Negeri Selangor, 1989 (tidak diwartakan). Lihat Norizan bt. Masrion, “Agihan Zakat *Fīsabilillah*: Satu Kajian di Pusat Agihan Zakat Selangor”, Kertas Projek Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000, hal. 59-66.

<sup>60</sup> Mahmud Syaltut, *Islām ‘Aqīdah wa al-Syari‘ah*, (cet. Al-Azhar), hal. 97-98. Lihat juga Syaltut, Mahmud, *al-Fatāwā*. Dirasat li-mushkilat al-Muslim al-Mu‘āsir fi Hayātihi al-Yawmiyah wa al-‘Ammah, 1959, hal. 199.

<sup>61</sup> Syekh Makhluf, *Fatāwā Syari‘ah*, Jilid 2.

<sup>62</sup> Al-Qaraḍāwī, *op.cit*, hal. 660.

<sup>63</sup> *Ibid.* hal. 661.

<sup>64</sup> *Ibid.* hal. 667-669.

<sup>65</sup> *Ibid.*